

Kajian Perbezaan Latar Belakang dan Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Sekolah Menengah di Terengganu

(The Differences of Background and Entrepreneurial Inclination among Secondary School Students in Terengganu)

Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang
Ibrahim Mamat
(Institut Darul Iman, Universiti Sultan Zainal Abidin)

ABSTRAK

Malaysia sebagai sebuah negara membangun menggalakkan golongan belia supaya terlibat dalam keusahawanan dan menjadikannya sebagai satu bidang kerjaya pilihan. Namun begitu, tidak ramai rakyat Malaysia mengejar peluang keusahawanan yang disediakan oleh pihak Kerajaan untuk mereka. Justeru itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji perbezaan latar belakang dan kecenderungan keusahawanan pelajar sekolah menengah menggunakan kaedah kuantitatif. Seramai 161 pelajar Tingkatan 4 yang mengikuti kelab keusahawanan daripada 16 buah sekolah menengah sekitar Negeri Terengganu dipilih untuk dijadikan responden kajian ini. Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian SPSS. Kajian ini mendapati sebahagian besar (79.5 peratus) responden mempunyai pengetahuan keusahawanan pada tahap sederhana. Seterusnya, kajian ini mendapati sebahagian besar (61.5 peratus) responden mempunyai kemahiran dan (57.8 peratus) kecenderungan keusahawanan pada tahap tinggi. Selain itu, kajian ini juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran keusahawanan dan kerjaya impian. Kajian ini selanjutnya mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara kecenderungan keusahawanan mengikut kerjaya impian, keaktifan dalam kelab dan tempat untuk menjalankan perniagaan. Dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan dalam usaha untuk meningkatkan bilangan usahawan muda. Kewujudan kelab keusahawanan adalah asas penting dalam usaha menyediakan pelajar menuju ke arah kerjaya keusahawanan seterusnya melahirkan usahawan muda pada masa depan.

Kata kunci: Kelab keusahawanan; pendidikan keusahawanan; kecenderungan keusahawanan; keusahawanan sekolah menengah; kerjaya keusahawanan

ABSTRACT

Malaysia as a developing country encourages youth to get involved in entrepreneurship and make it as a career of choice. However, not many Malaysians pursue the entrepreneurship opportunities provided by the Government for them. Therefore, the purpose of this study is to examine the differences in background and entrepreneurial inclination of secondary school students using quantitative methods. A total of 161 Form 4 students who are involved in entrepreneurship clubs from 16 secondary schools around the State of Terengganu were selected to be the respondents of this study. The data of this study were analyzed using SPSS software. This study found that the majority (79.5 percent) of respondents have moderate entrepreneurship knowledge. Furthermore, this study found that the majority (61.5 percent) of respondents have skills and (57.8 percent) entrepreneurial inclination at a high level. Beside that, this study found that there were significant differences in entrepreneurship skills between respondents and their career choice. Consequently the study also found that there were significant differences between entrepreneurial inclination and career choice, activity in the club and place of business. The findings of this study can be used as a reference for all parties, especially the Government in increasing the number of young entrepreneurs. The existence of entrepreneurship club is an important foundation in the effort to prepare students towards entrepreneurship as a career and in turn produce young entrepreneurs in the future.

Keywords: Entrepreneurship club; entrepreneurship education; entrepreneurship inclination; secondary school entrepreneurship; entrepreneurship career

PENGENALAN

Pembangunan keusahawanan di Malaysia menjadi alat penting kepada Kerajaan bukan sahaja untuk meningkatkan tahap ekonomi tetapi juga sebagai alatan sosial untuk membawa negara keluar daripada perangkap pendapatan pertengahan. Hal ini boleh dilihat melalui beberapa langkah dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu dan memupuk sikap serta kemahiran keusahawanan dalam kalangan rakyat seperti

skim pembiayaan, program dan aktiviti keusahawanan. Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengenal pasti keusahawanan sebagai jentera terbaharu dalam pembangunan ekonomi Malaysia (SME Corp 2016). Keusahawanan dapat menjana kekayaan untuk negara dan mewujudkan lebih banyak pilihan pekerjaan yang memberi pendapatan lumayan kepada rakyat. Ini bukan sahaja menyumbang kepada pendapatan negara yang lebih tinggi, malah mewujudkan masyarakat yang mampu berfikir secara kreatif dan mengurangkan mentaliti kurang berdaya maju dan daya saing untuk berjaya (Boratay & Semra 2016).

Mengubah minda belia terutamanya pelajar sekolah menengah daripada pencari kerja kepada penjana pekerjaan menerusi keterlibatan bidang keusahawanan telahpun dijalankan oleh Kerajaan. Contohnya, Kerajaan melalui Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) memperuntukkan sebanyak RM 350,000 pada tahun 2013 untuk Program Tunas Niaga di 54 buah sekolah menengah di Negeri Terengganu. Pihak PMINT mula memberi sumbangan pada tahun 1998 ketika itu program ini hanya diadakan di sembilan buah sekolah menengah sahaja. Namun, kesedaran dan sambutan program ini menyebabkan bilangannya bertambah kepada 54 buah (Perbadanan Memajukan Iktisad Terengganu 2013). Di samping itu juga, pendidikan keusahawanan yang dilaksanakan di Negeri Terengganu juga melibatkan penubuhan kelab keusahawanan. Pada tahun 2017 terdapat sebanyak 16 buah kelab keusahawanan sekolah menengah dalam Negeri Terengganu tanpa mendapat sokongan kewangan pihak luar (Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu 2017).

PENYATAAN MASALAH

Menurut Sylvia dan Dayang (2016), negara membangun seperti Malaysia memberi galakan kepada golongan belia untuk terlibat dalam keusahawanan dan mempertimbangkannya sebagai satu bidang kerjaya pilihan. Tambahan pula, keusahawanan adalah sangat penting untuk pertumbuhan ekonomi, menjana peluang pekerjaan dan mengurangkan masalah sosial dalam kalangan golongan belia terutamanya pelajar lepasan sekolah. Justeru itu, menurut Wan Mohd Zaifurin (2016) pengenalan kelab keusahawanan adalah salah satu langkah Kerajaan untuk menambah bilangan usahawan belia yang berjaya iaitu melahirkan seberapa ramai pelajar lepasan sekolah menengah agar melibatkan diri dalam keusahawanan. Pelajar sekolah digalak, dibimbing, dilatih dan dibantu menyertai kegiatan keusahawanan supaya mampu bergiat dalam semua bidang dan kegiatan ekonomi.

Selain itu, Kerajaan mewujudkan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan belia menerusi Bajet 2016 (data yang lebih terkini) meliputi peruntukan sebanyak RM 50 juta kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk meningkatkan aktiviti pembangunan belia dalam kegiatan keusahawanan. Pada masa yang sama, Kerajaan juga memberi peruntukan sebanyak RM 30 juta kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi melaksanakan program keusahawanan seperti *Global Entrepreneurship Community* untuk belia (Kementerian Kewangan Malaysia 2015). Manakala Bajet 2017 pula Kerajaan memberi peruntukan sebanyak RM 120 juta kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk menganjurkan pelbagai program keusahawanan seperti pembangunan usahawan belia dan latihan bersepadu keusahawanan (Kementerian Kewangan Malaysia 2016).

Walaupun Kerajaan menyediakan bajet yang positif setiap tahun, namun kadar penglibatan di peringkat awal bagi aktiviti keusahawanan negara masih berada pada tangga paling rendah di rantau Asia. Menurut Laporan Pengawasan Keusahawanan Antarabangsa (GEM) dalam Laporan Tahunan PKS (2015/2016) yang dikeluarkan oleh SME Corp (2016) mendapati peratusan individu dalam proses permulaan atau sedang menjalankan perniagaan baharu di Malaysia mengalami aliran penurunan iaitu daripada 6.6 peratus (2013), 5.9 peratus (2014) kepada 2.9 peratus (2015). Aliran ini memberikan gambaran bahawa tidak ramai rakyat Malaysia mengejar peluang keusahawanan dan inisiatif yang diberikan oleh Kerajaan menerusi bajet tahunan. Situasi ini memerlukan satu kajian dijalankan untuk mengetahui mengapakah perkembangan tersebut boleh terjadi. Persoalan sama ada adakah golongan belia dalam kalangan pelajar yang mendapat ilmu pengetahuan dan kemahiran keusahawanan ketika mengikuti kelab keusahawanan di sekolah menengah tidak cenderung menceburi kerjaya keusahawanan perlu diteliti. Oleh demikian, kajian ini mengkaji kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar yang mengikuti kelab keusahawanan sekolah menengah berdasarkan kepada tiga objektif iaitu: (a) mengkaji profil pelajar yang mengikuti kelab keusahawanan, (b) mengukur tahap pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan keusahawanan pelajar yang mengikuti kelab keusahawanan, dan (c) mengkaji perbezaan pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan keusahawanan mengikut profil terpilih pelajar yang mengikuti kelab keusahawanan di sekolah menengah.

SOROTAN LITERATUR

Ab. Alim (1999) mendefinisikan kokurikulum sebagai aktiviti pendidikan yang dilaksanakan di luar kelas dan menyediakan pengalaman pengajaran. Komponen kokurikulum termasuklah kelab, sukan dan permainan. Menurut Nor Hidayah dan Yusmaria (2014) pula kokurikulum bermaksud aktiviti pengajaran dan pembelajaran di luar kelas untuk memberi pelajar peluang menambah dan mengukuhkan kemahiran serta nilai yang dipelajari dalam kelas. Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisad Bilangan 1/1985 bertarikh 2 Januari 1985 yang dikeluarkan oleh

Kementerian Pelajaran Malaysia (1985) mensasarkan setiap pelajar mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam salah satu kegiatan kelab atau persatuan di sekolah.

Salah satu kelab diperkenalkan oleh pihak Kerajaan di sekolah menengah ialah kelab keusahawanan yang menjalankan kokurikulum berasaskan pendidikan keusahawanan dalam kalangan pelajar. Verni, Efendy dan Zulihar (2015) mengatakan pendidikan keusahawanan menyediakan pelajar dengan ilmu dan kemahiran keusahawanan supaya mereka cenderung menjadi usahawan. Saemah et al. (2015) pula mengatakan pendidikan yang menumpukan kepada keusahawanan dapat mendedahkan pelajar kepada persekitaran keusahawanan. Salah satu ciri sangat penting dalam pendidikan keusahawanan ialah penyediaan persekitaran yang kondusif untuk mempengaruhi kecenderungan pelajar ke arah keusahawanan berdasarkan kepada suasana sekolah. Pendekatan ini mendedahkan pelajar sekolah kepada pembelajaran keusahawanan yang sah mengikut dunia realiti keusahawanan.

Welsh et al. (2016) mengatakan pendidikan keusahawanan mampu menjadistrategi pembelajaran kognitif kepada pelajar supaya dapat melihat laluan perniagaan yang sebenar. Pendidikan keusahawanan menyediakan teknik penyelesaian masalah kepada pelajar untuk membantu mereka mengetahui bagaimana menjalankan perniagaan sendiri sekiranya ingin menceburi bidang keusahawanan pada masa hadapan. Hal ini kerana menurut Zarina dan Zuraida (2016) keusahawanan adalah salah satu kerjaya yang memberikan kebebasan untuk bekerja mengikut kebolehan sendiri untuk mencapai matlamat peribadi dan kesenangan hidup. Sehubungan itu, menurut Badariah, Abdul Rahim dan Mariana (2016) untuk melahirkan usahawan baharu bukan suatu perkara mudah kerana memerlukan banyak usaha, tekad dan komitmen. Ada dalam kalangan pengkaji yakin untuk menjadi usahawan perlu melalui suatu proses dan golongan belia boleh dibentuk menerusi pendidikan supaya dapat mempersiapkan diri untuk berkecimpung dalam kerjaya keusahawanan.

Maria et al. (2017) mengatakan pendidikan keusahawanan merupakan cara yang berkesan untuk mentransformasikan individu menjadi usahawan kerana menerusinya pelajar akan sedar peluang masa depan yang menguntungkan dengan mewujudkan syarikat perniagaan secara kecil-kecilan. Syarikat perniagaan kecil dan mikro yang dijalankan dengan cara sebenar memberi peluang kepada pelajar belajar bagaimana membuat, menganjur dan menguruskan perniagaan. Pengalaman pembelajaran cara ini diilhamkan oleh *Program Pencapaian Junior Amerika* (JACP) yang dijalankan di peringkat sekolah dan diterapkan di negara-negaralain. Program ini memberi gambaran keusahawanan boleh diajar dan belajar serta mencabar mitos bahawa usahawan dilahirkan tanpa perlu mengikuti pendidikan.

Kajian yang dijalankan oleh Niklas et al. (2015) mendapati JACP boleh meningkatkan kebarangkalian pelajar terlibat dalam kerjaya keusahawanan. Program ini dijalankan secara praktikal yang bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar sekolah menengah mendapatkan pengetahuan dan mengembangkan kemahiran keusahawanan dengan cara mengalami sendiri keseluruhan kitaran hayat sebuah syarikat melalui "pembelajaran dan melakukan praktikal." Hasil kajian ini menyokong penemuan Wan Mohd Zaifurin et al. (2016) kerana pelajar sekolah menengah yang mengikuti kelab keusahawanan menerusi Program Tunas Niaga juga didapati mempunyai kecenderungan menceburi kerjaya keusahawanan. Namun begitu, dapatan daripada sorotan semula kajian lalu mendapati kecenderungan terhadap kerjaya keusahawanan adalah berbeza antara pelajar atau mahasiswa mengikut profil mereka.

Sapiah (2008) dalam kajiannya mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar Tingkatan Empat mengikut gender iaitu pelajar perempuan mempunyai kesediaan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki untuk menceburi kerjaya keusahawanan pada masa depan. Namun begitu, kajian yang dijalankan oleh Mazlina dan Maitilee (2015) mendapati gender bukanlah faktor penting untuk menentukan sama ada mahasiswa universiti memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan pada masa depan. Pengaruh keluarga sebaliknya telah dikenal pasti menyebabkan mahasiswa universiti menjadi usahawan. Penemuan kajian ini menyamai dapatan Bagheri dan Lope Pihie (2010) yang mendapati ibu bapa memainkan peranan memberi inspirasi kepada mahasiswa universiti supaya melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Tambahan pula, penglibatan berterusan dalam perniagaan keluarga membina diri mahasiswa untuk memimpin aktiviti keusahawanan di universiti.

Selain itu, Wan Mohd Zaifurin et al. (2016) dalam kajiannya mendapati terdapat perbezaan kecenderungan menceburi kerjaya keusahawanan yang signifikan antara pelajar yang mengikuti Program Tunas Niaga di sekolah menengah berdasarkan aliran kelas. Pelajar mengambil aliran Sains dan aliran-aliran lain (seperti aliran Agama dan Seni) mempunyai perbezaan kecenderungan menceburi kerjaya keusahawanan. Pelajar daripada aliran-aliran lain didapati lebih cenderung menceburi kerjaya keusahawanan berbanding aliran Sains. Namun penemuan Vijayakumari (2014) pula mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspirasi keusahawanan pelajar Tingkatan 4 mengikut penglibatan dalam aktiviti perniagaan. Penemuan kajian ini menyimpulkan bahawa pendedahan pelajar dalam aktiviti perniagaan boleh meningkatkan aspirasi mereka untuk menceburi kerjaya keusahawanan. Manakala kajian Norasmah dan Mazura (2012) mendapati pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang mempelajari ilmu keusahawanan lebih cenderung menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Penglibatan pelajar dalam keusahawanan di politeknik memberikan keyakinan kepada mereka untuk memulakan perniagaan sendiri.

Sorotan semula kajian terdahulu juga mendapati pelajar sekolah menengah yang mengambil bahagian dalam aktiviti perniagaan memberi kesan positif kepada mereka. Hasil kajian yang diperolehi oleh Cheung (2008) mendapati pelajar sekolah menengah di Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Republik Rakyat China mempunyai keinginan untuk mengambil bahagian dalam membuka gerai jualan semasa sambutan Tahun Baru Cina kerana mahu mendalami lebih lanjut mengenai teori perniagaan. Tambahan pula membuka gerai jualan untuk menyambut Tahun Baru Cina merupakan aktiviti di luar kelas yang memberikan keseronokan kepada pelajar. Pendidikan keusahawanan cara ini memberikan pemahaman kepada pelajar tentang keusahawanan yang sebenar dan yang boleh mempengaruhi kecenderungan kerana mereka tahu bagaimana untuk menjadi seorang usahawan berjaya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan untuk mengumpulkan maklumat secara terus dari pelajar Tingkatan 4 yang mengikuti kelab keusahawanan dalam 16 buah sekolah menengah di sekitar Negeri Terengganu. Pemilihan sekolah ini dibuat secara rawak berdasarkan kepada senarai yang diberikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (2017). Di lokasi kajian ini, terdapat seramai 201 orang pelajar Tingkatan 4 yang mengikuti kelab keusahawanan. Namun begitu, kajian ini hanya memilih secara rawak mudah seramai 162 orang pelajar Tingkatan 4 yang mengikuti kelab keusahawanan untuk dijadikan responden. Jumlah tersebut dianggap memadai untuk mengumpul data kajian ini kerana masih melebihi penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Menurut Krejcie dan Morgan (1970) saiz populasi seramai 200 orang memerlukan sampel 132 responden.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang ditulis dalam Bahasa Malaysia sebagai alat untuk mengumpul data responden. Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini diambil daripada penyelidik terdahulu seperti Lepoutre et al. (2010) dan Wan Mohd Zaifurin (2016). Borang soal selidik dalam kajian ini mempunyai empat bahagian, iaitu A: Profil pelajar yang mengikuti kelab keusahawanan mempunyai 11 item, B: Pengetahuan keusahawanan mengandungi tiga item kenyataan, C: Kemahiran keusahawanan melibatkan enam item kenyataan, dan D: Kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar kelab keusahawanan merangkumi 15 item kenyataan. Item kenyataan dalam Bahagian B, C dan D borang soal selidik diukur menggunakan skala Likert lima mata iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju dan (5) sangat setuju.

Ujian rintis dijalankan pada 1 Oktober 2017 melibatkan seramai 15 orang responden. Hasil ujian rintis yang menggunakan perisian berkomputer Pakej Statistik untuk Sosial Sains (SPSS) mendapati darjah kebolehpercayaan item kenyataan dalam Bahagian B borang soal selidik berada pada nilai *Cronbach Alpha* 0.65. Manakala darjah kebolehpercayaan item kenyataan dalam Bahagian C borang soal selidik berada pada nilai *Cronbach Alpha* 0.83. Sementara darjah kebolehpercayaan item kenyataan dalam Bahagian D borang soal selidik berada pada nilai *Cronbach Alpha* 0.84. Berdasarkan kepada hasil ujian rintis mendapati kesemua bahagian dalam instrumen kajian ini mempunyai nilai melebihi 0.60 dan mencapai had penerimaan kebolehpercayaan paling minimum mengikut pandangan Hair et al. (2010).

Setelah ujian rintis selesai dijalankan, sebanyak 162 set borang soal selidik diedarkan kepada responden pelbagai aliran kelas yang terlibat dalam kajian sebenar. Kesemua borang soal selidik diterima semula setelah responden selesai menjawab. Jawapan yang diberikan responden perlu diuji bagi menentukan sama ada taburan data adalah normal atau sebaliknya. Data kajian ini didapati bertaburan normal selepas mengeluarkan seorang responden kerana datanya terlalu ekstrem. Statistik deskriptif digunakan untuk mengetahui profil dan tahap pengetahuan, kemahiran serta kecenderungan keusahawanan dalam kalangan responden. Manakala bagi mengukur tahap pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan keusahawanan, jadual interpretasi skor min sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 1, 2 dan 3 digunakan dalam kajian ini sebagai panduan. Jadual tersebut menjelaskan semakin meningkat skor responden memberi makna tahap pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan keusahawanan menjadi lebih tinggi. Pengiraan skor mengikut tahap adalah berdasarkan kepada Hanina et al. (2010).

JADUAL 1. Tahap pengetahuan keusahawanan

Skor min	Tahap pengetahuan keusahawanan
0 hingga 5	Rendah
5.1 hingga 10.1	Sederhana
10.2 hingga 15	Tinggi

JADUAL 2. Tahap kemahiran keusahawanan

Skor min	Tahap kemahiran keusahawanan
0 hingga 10	Rendah
10.1 hingga 20.1	Sederhana
20.2 hingga 30.2	Tinggi

JADUAL 3. Tahap kecenderungan keusahawanan

Skor min	Tahap kecenderungan keusahawanan
0 hingga 25	Rendah
25.1 hingga 50.1	Sederhana
50.2 hingga 75.2	Tinggi

Selain itu, kajian ini turut menggunakan statistik inferensi melibatkan dua analisis *bivariat* untuk menentukan perbezaan min pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan keusahawanan mengikut profil responden. Antara analisis statistik *bivariat* yang digunakan dalam kajian ini ialah Ujian-TDua Sampel Bebas dan ANOVA Sehala. Hasil daripada analisis statistik deskriptif dan *bivariat* dibentangkan dalam bentuk jadual.

HASIL KAJIAN

PROFIL RESPONDEN

Pelajar sekolah yang mengikuti kelab keusahawanan dan terlibat sebagai responden kajian ini belajar dalam 16 buah sekolah menengah sekitar Negeri Terengganu. Selaras dengan syarat permohonan menjalankan kajian menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, responden yang dikaji adalah pelajar Tingkatan 4 kerana mereka tidak menduduki peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Pelajar yang menjadi ahli kelab keusahawanan dan terlibat dalam kajian ini sebagai responden majoritinya (117 orang atau 72.7 peratus) perempuan. Dari segi pencapaian akademik pula, paling ramai responden mendapat tiga hingga empat gred A dalam peperiksaan PT3 (46 orang atau 28.6 peratus) sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 4.

Jadual yang sama juga mendapati aliran kelas Perdagangan paling ramai (49 orang atau 30.4 peratus) menjadi responden kajian ini. Dapatan kajian ini memberi gambaran bahawa responden yang belajar mata pelajaran Perdagangan secara teori dalam kelas boleh mempratikkannya ketika mengikuti kelab keusahawanan. Malah, majoriti (36 orang atau 22.4 peratus) responden yang mengikuti kelab keusahawanan memilih bekerja sebagai usahawan sebagai kerjaya impian pada masa hadapan. Dari segi pekerjaan bapa pula, majoriti (63 orang atau 39.1 peratus) responden kajian mempunyai bapa bekerja sendiri. Manakala pekerjaan ibu, majoriti (88 orang atau 54.7 peratus) responden mempunyai ibu tidak bekerja.

JADUAL 4. Taburan responden mengikut profil

Profil	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Gender		
<i>Lelaki</i>	44	27.3
<i>Perempuan</i>	117	72.7
Pentaksiran Tingkatan 3		
<i>Tujuh A dan ke atas</i>	24	14.9
<i>Lima hingga enam A</i>	36	22.4
<i>Tiga hingga empat A</i>	46	28.6
<i>Satu hingga dua A</i>	40	24.8
<i>Tiada A</i>	15	9.3
Aliran kelas		
<i>Sastera</i>	6	3.7
<i>Perdagangan</i>	49	30.4
<i>Sains</i>	33	20.5
<i>Prinsip Akaun</i>	14	8.7
<i>Ekonomi Asas</i>	12	7.5
<i>Aliran-aliran lain</i>	47	29.2
Kerjaya impian		
<i>Tiada</i>	22	13.7
<i>Berniaga</i>	23	14.3
<i>Usahawan</i>	36	22.4
<i>Kerajaan</i>	27	16.8
<i>Swasta</i>	21	13.0
<i>Kerjaya-kerjaya impian lain</i>	32	19.9

Pekerjaan bapa		
<i>Kerajaan</i>	30	18.6
<i>Swasta</i>	29	18.0
<i>Bekerja sendiri</i>	63	39.1
<i>Tidak bekerja</i>	39	24.2
Pekerjaan ibu		
<i>Kerajaan</i>	26	16.1
<i>Swasta</i>	8	5.0
<i>Bekerja sendiri</i>	39	24.2
<i>Tidak bekerja</i>	88	54.7

Selain itu, kelab keusahawanan yang disertai responden di sekolah mempunyai nama berbeza. Antaranya ialah kelab usahawan muda, keusahawanan dan koperasi, keusahawanan dan pengguna dan keusahawanan dan kewangan. Perbezaan ini disebabkan tindakan sekolah menggabungkan dua kelab menjadi satu kerana aktiviti yang hampir sama. Pelajar yang mengikuti kelab usahawan muda paling ramai (64 orang atau 39.8 peratus) terlibat dalam kajian ini sebagai responden. Kajian ini juga mendapati majoriti (114 orang atau 70.8 peratus) responden aktif mengikuti kelab keusahawanan. Selain itu, kajian ini mendapati ramai (89 orang atau 55.3 peratus) dalam kalangan responden mengikuti aktiviti jualan (seperti hari sukan dan kokurikulum sekolah). Namun begitu, kajian ini mendapati kelab keusahawanan di sekolah menengah masih tidak mempunyai tempat yang khusus untuk menjalankan perniagaan. Perkara ini diakui sendiri majoriti (102 orang atau 63.4 peratus) responden kajian sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 5.

JADUAL 5. Taburan responden mengikut nama kelab keusahawanan, keaktifan, aktiviti kelab dan tempat perniagaan

Pembolehubah	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Nama kelab keusahawanan		
<i>Usahawan Muda</i>	64	39.8
<i>Keusahawanan dan koperasi</i>	57	35.4
<i>Keusahawanan dan pengguna</i>	29	18.0
<i>Keusahawanan dan kewangan</i>	11	6.8
Keaktifan		
<i>Aktif</i>	114	70.8
<i>Kurang aktif</i>	47	29.2
Aktiviti kelab		
<i>Jualan</i>	89	55.3
<i>Lawatan sambil belajar</i>	5	3.1
<i>Melukis logo</i>	4	2.5
<i>Kem keusahawanan</i>	1	0.6
<i>Tiada</i>	62	38.5
Tempat perniagaan		
<i>Ada</i>	59	36.6
<i>Tiada</i>	102	63.4

TAHAP PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN

Kajian ini menggunakan ujian deskriptif untuk mengetahui tahap pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan keusahawanan pelajar Tingkatan 4 yang mengikuti kelab keusahawanan di 16 buah sekolah menengah dan terpilih sebagai responden. Berdasarkan kepada hasil ujian deskriptif, kajian ini mendapati sebahagian besar (128 orang atau 79.5 peratus) responden mempunyai pengetahuan keusahawanan pada tahap sederhana. Manakala sebahagian kecil (31 orang atau 19.3 peratus) responden mempunyai pengetahuan keusahawanan pada tahap tinggi. Hanya terdapat segelintir (dua orang atau 1.2 peratus) responden sahaja mempunyai pengetahuan keusahawanan pada tahap rendah sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 6.

JADUAL 6. Tahap pengetahuan keusahawanan

Tahap pengetahuan keusahawanan	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Rendah	2	1.2
Sederhana	128	79.5
Tinggi	31	19.3
Jumlah	161	100.0

Selain dari pengetahuan keusahawanan, kajian ini juga mengkaji tahap kemahiran keusahawanan. Berdasarkan kepada hasil ujian deskriptif, kajian ini mendapati sebahagian besar (99 orang atau 61.5 peratus) responden mempunyai kemahiran keusahawanan pada tahap tinggi. Manakala sebahagian kecil (61 orang atau 37.9 peratus) responden mempunyai kemahiran keusahawanan pada tahap sederhana. Hanya segelintir (seorang atau 0.6 peratus) responden sahaja mempunyai kemahiran keusahawanan pada tahap rendah sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 7.

JADUAL 7. Tahap kemahiran keusahawanan

Tahap kemahiran keusahawanan	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Rendah	1	0.6
Sederhana	61	37.9
Tinggi	99	61.5
Jumlah	161	100.0

Dari segi kecenderungan pula, hasil ujian deskriptif mendapati sebahagian besar (93 orang atau 57.8 peratus) responden mempunyai kecenderungan keusahawanan pada tahap tinggi. Manakala sebahagian kecil (68 orang atau 42.2 peratus) responden mempunyai kecenderungan keusahawanan pada tahap sederhana. Namun begitu, kajian ini mendapati tiada responden mempunyai kecenderungan keusahawanan pada tahap rendah sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 8.

JADUAL 8. Tahap kecenderungan keusahawanan

Tahap kecenderungan	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Rendah	Tiada	0.0
Sederhana	68	42.2
Tinggi	93	57.8
Jumlah	161	100.0

PERBEZAAN PENGETAHUAN KEUSAHAWANAN MENGIKUT PROFIL RESPONDEN

Bagi mengkaji lebih lanjut, kajian ini menggunakan Ujian-t Dua Sampel Bebas dan ANOVA Sehala untuk mengetahui perbezaan pengetahuan keusahawanan mengikut profil responden. Hasil Ujian-t Dua Sampel Bebas mendapati min pengetahuan keusahawanan ($M = 9.13$) responden lelaki lebih tinggi sedikit berbanding perempuan ($M = 9.08$). Namun demikian, perbezaan min pengetahuan keusahawanan antara responden lelaki dan perempuan adalah tidak signifikan kerana nilai t ($dk = 159, p > 0.05$) = 2.08 sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 9. Hasil ujian ini memberi gambaran bahawa pengetahuan keusahawanan antara responden perempuan dan lelaki adalah tidak berbeza.

Hasil Ujian-T Dua Sampel Bebas mendapati min pengetahuan keusahawanan ($M = 9.20$) responden aktif dalam kelab keusahawanan sangat tinggi berbanding kurang aktif ($M = 8.83$). Hasil ujian ini mendapati perbezaan min pengetahuan keusahawanan antara responden aktif dan kurang aktif dalam kelab keusahawanan adalah tidak signifikan kerana nilai t ($dk = 159, p > 0.05$) = 1.33 sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 9. Hasil ujian ini memberi gambaran bahawa pengetahuan keusahawanan antara responden aktif dan kurang aktif dalam kelab keusahawanan adalah tidak berbeza.

Selain itu, Ujian-T Dua Sampel Bebas mendapati min pengetahuan keusahawanan ($M = 9.39$) responden kelab keusahawanan yang mempunyai tempat perniagaan lebih tinggi berbanding tiada tempat perniagaan ($M = 8.92$) di sekolah mereka. Hasil ujian ini mendapati perbezaan min pengetahuan keusahawanan antara responden kelab keusahawanan yang ada dan tiada tempat perniagaan adalah tidak signifikan kerana nilai t ($dk = 159, p > 0.05$) = 1.33 sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 9. Oleh itu, pengetahuan keusahawanan antara responden kelab keusahawanan yang ada dan tiada tempat perniagaan adalah tidak berbeza.

JADUAL 9. Ujian-t Dua Sampel Bebas bagi perbezaan pengetahuan keusahawanan mengikut gender, keaktifan dan tempat perniagaan

Profil	Kategori	Min	Sisihan piawai	Nilai t	dk	Sig.
Gender	Lelaki	9.13	1.50	2.08	159	0.17
	Perempuan	9.08	1.65			
Keaktifan	Aktif	9.20	1.48	1.33	159	0.22
	Kurang aktif	8.83	1.89			
Tempat perniagaan	Ada	9.39	1.56	1.79	159	0.69
	Tiada	8.92	1.62			

Selain Ujian-t Dua Sampel Bebas, kajian ini juga menggunakan ANOVA Sehala bagi mengkaji perbezaan pengetahuan keusahawanan mengikut aliran kelas dan kerjaya impian responden. Berdasarkan kepada hasil Ujian ANOVA Sehala mendapati min pengetahuan keusahawanan responden belajar dalam aliran Sastera ($M = 9.33$) lebih tinggi sedikit berbanding Prinsip Akaun ($M = 9.29$), Perdagangan ($M = 9.22$), aliran-aliran lain ($M = 9.15$), Sains ($M = 8.81$) dan Ekonomi Asas ($M = 8.75$). Namun begitu, perbezaan min pengetahuan keusahawanan antara responden belajar dalam aliran Sastera, Prinsip Akaun, Perdagangan, aliran-aliran lain, Sains dan Ekonomi Asas adalah tidak signifikan kerana nilai F ($dk = 5, p > 0.05$) = 0.44 sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 10. Hasil ujian ini memberi gambaran bahawa pengetahuan keusahawanan antara responden belajar dalam aliran Sastera, Prinsip Akaun, Perdagangan, aliran-aliran lain, Sains dan Ekonomi Asas adalah tidak berbeza.

Selain itu, Ujian ANOVA Sehala mendapati min pengetahuan keusahawanan ($M = 9.49$) responden yang mempunyai impian bekerja dalam sektor Kerajaan lebih tinggi sedikit berbanding berniaga ($M = 9.30$), swasta ($M = 9.09$), usahawan ($M = 9.06$), masih tiada kerjaya impian ($M = 8.95$) dan kerjaya-kerjaya impian lain ($M = 8.75$). Hasil ujian ini juga mendapati perbezaan min pengetahuan keusahawanan antara responden yang mempunyai impian bekerja dalam sektor Kerajaan, berniaga, swasta, usahawan, masih tiada kerjaya impian dan kerjaya-kerjaya impian lain adalah tidak signifikan kerana nilai F ($dk = 5, p > 0.05$) = 0.71 sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 10. Hasil ujian ini memberi gambaran bahawa pengetahuan keusahawanan responden yang mempunyai impian bekerja dalam sektor Kerajaan, berniaga, swasta, usahawan, masih tiada kerjaya dan juga kerjaya-kerjaya impian lain adalah tidak berbeza.

JADUAL 10. Ujian ANOVA Sehala bagi perbezaan pengetahuan keusahawanan mengikut aliran kelas dan kerjaya impian

Profil	Kategori	Min	Sisihan piawai	Nilai F	dk	Sig.
Aliran kelas	Sastera	9.33	1.03	0.44	5	0.82
	Perdagangan	9.22	1.83			
	Sains	8.81	1.67			
	Prinsip Akaun	9.29	1.20			
	Ekonomi Asas	8.75	1.13			
	Aliran-aliran lain	9.15	1.62			
Kerjaya impian	Tiada	8.95	1.65	0.71	5	0.61
	Berniaga	9.30	1.49			
	Usahawan	9.06	1.29			
	Kerajaan	9.49	1.91			
	Swasta	9.09	2.04			
	Kerjaya-kerjaya lain	8.75	1.43			

Hasil ujian ini memberi makna responden mempunyai pengetahuan keusahawanan yang sama walaupun mereka berlainan gender, keaktifan, tempat perniagaan, aliran kelas dan kerjaya impian. Hal ini menunjukkan pengetahuan keusahawanan bukanlah pembolehubah penting dalam menentukan perbezaan antara responden tentang keusahawanan. Contohnya, responden yang tidak mengikuti aliran Perdagangan, Prinsip Akaun dan Ekonomi Asas masih mahu menyertai kelab keusahawanan untuk belajar ilmu keusahawanan. Penerapan ilmu keusahawanan dalam tempoh jangka panjang ketika melalui proses pendidikan secara formal boleh memberi kesan yang sama kepada responden.

PERBEZAAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN MENGIKUT PROFIL RESPONDEN

Bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran keusahawanan mengikut profil terpilih, kajian ini menggunakan Ujian-t Dua Sampel Bebas dan ANOVA Sehala. Hasil Ujian-t Dua Sampel Bebas mendapati min kemahiran keusahawanan ($M = 21.86$) responden lelaki lebih tinggi berbanding perempuan ($M = 21.20$). Namun demikian, perbezaan min kemahiran keusahawanan antara responden lelaki dan perempuan adalah tidak signifikan kerana nilai t ($dk = 159, p > 0.05$) = 1.12 sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 11. Hasil ujian ini memberi gambaran bahawa kemahiran keusahawanan antara responden lelaki dan perempuan adalah tidak berbeza.

Dapatan yang sama juga diperolehi terhadap keaktifan dan tempat perniagaan. Hasil Ujian-t Dua Sampel Bebas mendapati min kemahiran keusahawanan ($M = 21.82$) responden aktif dalam kelab keusahawanan sangat tinggi berbanding kurang aktif ($M = 20.34$). Hasil ujian ini mendapati perbezaan min kemahiran keusahawanan antara responden aktif dan kurang aktif dalam kelab keusahawanan adalah tidak signifikan kerana nilai t ($dk = 159, p > 0.05$) = 2.60 sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 11. Ini bermakna kemahiran keusahawanan antara responden aktif dan kurang aktif dalam kelab keusahawanan adalah tidak berbeza.

Selain itu, Ujian-t Dua Sampel Bebas mendapati min kemahiran keusahawanan ($M = 22.12$) responden kelab keusahawanan yang mempunyai tempat perniagaan lebih tinggi berbanding tiada tempat perniagaan ($M = 20.96$) di sekolah mereka. Hasil ujian ini mendapati perbezaan min kecenderungan keusahawanan antara responden kelab

keusahawanan yang ada dan tiada tempat perniagaan adalah tidak signifikan kerana nilai t ($dk = 159, p > 0.05$) = 2.14 sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 11. Oleh itu, kemahiran keusahawanan antara responden kelab keusahawanan yang ada dan tiada tempat perniagaan adalah tidak berbeza.

JADUAL 11. Ujian-t Dua Sampel Bebas bagi perbezaan kemahiran keusahawanan mengikut gender, keaktifan dan tempat perniagaan

Profil	Kategori	Min	Sisihan piawai	Nilai t	dk	Sig.
Gender	Lelaki	21.86	2.86	1.12	159	0.12
	Perempuan	21.20	3.49			
Keaktifan	Aktif	21.82	3.31	2.60	159	0.93
	Kurang aktif	20.34	3.20			
Tempat perniagaan	Ada	22.12	2.99	2.14	159	0.25
	Tiada	20.96	3.47			

Manakala untuk mengkaji perbezaan kemahiran keusahawanan mengikut aliran kelas dan kerjaya impian, maka Ujian ANOVA Sehala digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan kepada hasil Ujian ANOVA Sehala mendapati min kemahiran keusahawanan responden belajar dalam aliran Prinsip Akaun ($M = 23.00$) lebih tinggi sedikit berbanding Sastera ($M = 22.33$), Ekonomi Asas ($M = 21.42$), aliran-aliran lain ($M = 21.38$), Perdagangan ($M = 21.35$), dan Sains ($M = 20.58$). Namun begitu, perbezaan min kemahiran keusahawanan antara responden belajar dalam aliran Prinsip Akaun, Sastera, Ekonomi Asas, aliran-aliran lain, Perdagangan dan Sains adalah tidak signifikan kerana nilai F ($dk = 5, p > 0.05$) = 1.15 sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 12. Hasil ujian ini memberi gambaran bahawa kemahiran keusahawanan antara responden belajar dalam aliran kelas Prinsip Akaun, Sastera, Ekonomi Asas, aliran-aliran lain, Perdagangan dan Sains adalah tidak berbeza.

Selain itu, Ujian ANOVA Sehala mendapati min kemahiran keusahawanan ($M = 23.04$) responden yang mempunyai impian berniaga lebih tinggi berbanding usahawan ($M = 22.00$), sektor swasta ($M = 21.29$), Kerajaan ($M = 21.03$), kerjaya-kerjaya impian lain ($M = 20.17$) dan masih belum ada kerjaya impian ($M = 19.77$). Hasil ujian ini juga mendapati perbezaan min kemahiran keusahawanan antara responden yang mempunyai impian kerjaya berniaga, usahawan, sektor swasta, Kerajaan, kerjaya-kerjaya impian lain dan masih belum ada kerjaya impian adalah signifikan kerana nilai F ($dk = 5, p < 0.05$) = 2.71 sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 12. Hasil ujian ini memberi gambaran bahawa kemahiran keusahawanan responden yang mempunyai impian kerjaya berniaga, usahawan, swasta, Kerajaan, kerjaya-kerjaya impian lain dan masih belum mempunyai kerjaya impian adalah berbeza.

Hasil Ujian *Post Hoc* ANOVA Tukey mendapati terdapat perbezaan yang signifikan kecenderungan keusahawanan antara responden belum ada kerjaya impian dengan rakan-rakan ingin berniaga. Manakala *Homogeneous Subsets* memberi gambaran bahawa responden masih belum ada kerjaya impian mempunyai kurang kemahiran keusahawanan berbanding rakan-rakan ingin berniaga.

JADUAL 12. Ujian ANOVA Sehala bagi perbezaan kemahiran keusahawanan mengikut aliran kelas dan kerjaya impian

Profil	Kategori	Min	Sisihan piawai	Nilai F	dk	Sig.
Aliran kelas	Sastera	22.33	2.58	1.15	5	0.34
	Perdagangan	21.35	3.41			
	Sains	20.58	3.40			
	Prinsip Akaun	23.00	2.72			
	Ekonomi Asas	21.42	1.97			
	Aliran-aliran lain	21.38	3.66			
Kerjaya impian	Tiada	19.77	3.59	2.71	5	0.02*
	Berniaga	23.04	3.47			
	Usahawan	22.00	2.97			
	Kerajaan	21.03	3.21			
	Swasta	21.29	3.72			
	Kerjaya-kerjaya lain	20.97	2.91			

* pada aras signifikan 0.05.

PERBEZAAN KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN MENGIKUT PROFIL RESPONDEN

Bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan kecenderungan keusahawanan mengikut profil terpilih, kajian ini menggunakan Ujian-t Dua Sampel Bebas dan ANOVA Sehala. Hasil Ujian-t Dua Sampel Bebas mendapati min kecenderungan keusahawanan ($M = 53.00$) responden perempuan lebih tinggi berbanding lelaki ($M = 51.27$). Namun demikian, perbezaan min kecenderungan keusahawanan antara responden perempuan dan lelaki tidak signifikan kerana nilai t ($dk = 159, p > 0.05$) = 1.26 sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 13.

Hasil ujian ini memberi gambaran bahawa kecenderungan keusahawanan antara responden perempuan dan lelaki adalah tidak berbeza.

Berlainan pula hasil ujian terhadap keaktifan dan tempat perniagaan. Hasil Ujian-t Dua Sampel Bebas mendapati min kecenderungan keusahawanan ($M = 54.41$) responden aktif dalam kelab keusahawanan sangat tinggi berbanding kurang aktif ($M = 47.96$). Hasil ujian ini mendapati perbezaan min kecenderungan keusahawanan antara responden aktif dan kurang aktif dalam kelab keusahawanan adalah signifikan kerana nilai t ($dk = 88.15, p < 0.05$) = 5.23 sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 13. Ini bermakna kecenderungan keusahawanan antara responden aktif dan kurang aktif dalam kelab keusahawanan adalah berbeza.

Selain itu, Ujian-t Dua Sampel Bebas mendapati min kecenderungan keusahawanan ($M = 54.25$) responden kelab keusahawanan yang mempunyai tempat perniagaan lebih tinggi berbanding tiada tempat perniagaan ($M = 51.53$) di sekolah mereka. Hasil ujian ini mendapati perbezaan min kecenderungan keusahawanan antara responden kelab keusahawanan yang ada dan tiada tempat perniagaan adalah signifikan kerana nilai t ($dk = 136.72, p < 0.05$) = 2.23 sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 13. Oleh itu, kecenderungan keusahawanan antara responden kelab keusahawanan yang ada dan tiada tempat perniagaan adalah berbeza.

JADUAL 13. Ujian-t Dua Sampel Bebas bagi perbezaan kecenderungan keusahawanan mengikut gender, keaktifan dan tempat perniagaan

Profil	Kategori	Min	Sisihan piawai	Nilai t	dk	Sig.
Gender	Lelaki	51.27	8.48	1.26	1.59	0.21
	Perempuan	53.00	7.46			
Keaktifan	Aktif	54.41	7.27	5.23	88.15	0.00**
	Kurang aktif	47.96	7.06			
Tempat perniagaan	Ada	54.25	6.92	2.23	136.72	0.02*
	Tiada	51.53	8.08			

* pada aras signifikan 0.05.

** pada aras signifikan 0.00.

Manakala untuk mengkaji perbezaan kecenderungan keusahawanan mengikut aliran kelas, kerjaya impian, pekerjaan bapa dan ibu responden, maka Ujian ANOVA Sehala telah digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan kepada hasil Ujian ANOVA Sehala mendapati min kecenderungan keusahawanan responden belajar dalam aliran Prinsip Akaun ($M = 58.29$) lebih tinggi sedikit berbanding Sastera ($M = 53.17$), Perdagangan ($M = 52.51$), aliran-aliran lain ($M = 52.28$), Ekonomi Asas ($M = 51.58$) dan Sains ($M = 50.69$). Namun begitu, perbezaan min kecenderungan keusahawanan antara responden belajar dalam Prinsip Akaun, Sastera, Perdagangan, aliran-aliran lain, Ekonomi Asas dan Sains adalah tidak signifikan kerana nilai F ($dk = 5, p > 0.05$) = 2.02 sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 14. Hasil ujian ini memberi makna kecenderungan keusahawanan antara responden belajar dalam aliran kelas Prinsip Akaun, Sastera, Perdagangan, aliran-aliran lain, Ekonomi Asas dan Sains adalah tidak berbeza.

Selain itu, Ujian ANOVA Sehala mendapati min kecenderungan keusahawanan ($M = 56.22$) responden yang mempunyai impian bekerja sebagai usahawan lebih tinggi berbanding berniaga ($M = 55.91$), swasta ($M = 53.95$), Kerajaan ($M = 49.96$), kerjaya-kerjaya impian lain ($M = 49.81$) dan masih belum ada kerjaya impian ($M = 48.68$). Hasil ujian ini mendapati perbezaan min kecenderungan keusahawanan antara responden yang mempunyai impian bekerja sebagai usahawan, berniaga, swasta, Kerajaan, kerjaya-kerjaya impian lain dan masih belum ada kerjaya impian adalah signifikan kerana nilai F ($dk = 5, p < 0.01$) = 5.87 sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 14. Hasil ujian ini memberi gambaran bahawa kecenderungan keusahawanan responden yang mempunyai impian bekerja sebagai usahawan, berniaga, swasta, Kerajaan, kerjaya-kerjaya impian lain dan masih belum ada kerjaya impian adalah berbeza.

Hasil Ujian *Post Hoc* ANOVA Tukey mendapati terdapat perbezaan yang signifikan kecenderungan keusahawanan antara responden belum ada kerjaya impian, kerjaya-kerjaya impian lain dan Kerajaan dengan rakan-rakan ingin berniaga dan menjadi usahawan. Manakala *Homogeneous Subsets* memberi gambaran bahawa responden yang masih belum ada kerjaya impian, kerjaya-kerjaya impian lain dan Kerajaan kurang cenderung ke arah keusahawanan berbanding rakan-rakan ingin berniaga dan menjadi usahawan.

Selain itu, Ujian ANOVA Sehala mendapati min kecenderungan keusahawanan ($M = 54.05$) responden yang mempunyai bapa bekerja sendiri lebih tinggi berbanding tidak bekerja ($M = 51.84$), swasta ($M = 51.41$) dan Kerajaan ($M = 51.30$). Bagaimanapun, perbezaan min kecenderungan keusahawanan antara responden yang mempunyai bapa bekerja sendiri, tidak bekerja, swasta dan Kerajaan adalah tidak signifikan kerana nilai F ($dk = 3, p > 0.05$) = 1.36 sepertimana yang ditunjukkan pada Jadual 14. Oleh itu, hasil ujian ini memberi gambaran bahawa kecenderungan keusahawanan responden yang mempunyai bapa bekerja sendiri, tidak bekerja, swasta dan Kerajaan adalah tidak berbeza.

Jadual 14 memaparkan hasil Ujian ANOVA Sehala mendapati min kecenderungan keusahawanan ($M = 54.31$) responden mempunyai ibu bekerja sendiri lebih tinggi berbanding tidak bekerja ($M = 52.31$), Kerajaan (M

= 51.18) dan swasta (M = 50.75). Namun demikian, perbezaan min kecenderungan keusahawanan antara responden yang mempunyai ibu bekerja sendiri, tidak bekerja, Kerajaan dan swasta adalah tidak signifikan kerana nilai F (dk = 3, p > 0.05) = 1.12. Maka hasil ujian ini memberi gambaran bahawa kecenderungan keusahawanan responden yang mempunyai ibu bekerja sendiri, tidak bekerja, Kerajaan dan swasta adalah tidak berbeza.

JADUAL 14. Ujian ANOVA Sehala bagi perbezaan kecenderungan keusahawanan mengikut aliran kelas, kerjaya impian, pekerjaan bapa dan ibu responden

Profil	Kategori	Min	Sisihan piawai	Nilai F	dk	Sig.
Aliran kelas	Sastera	53.17	4.99	2.02	5	0.08
	Perdagangan	52.51	7.33			
	Sains	50.69	7.91			
	Prinsip Akaun	58.29	5.97			
	Ekonomi Asas	51.58	6.45			
Kerjaya impian	Aliran-aliran lain	52.28	8.63	5.87	5	0.00**
	Tiada	48.68	7.50			
	Berniaga	55.91	7.38			
	Usahawan	56.22	6.24			
	Kerajaan	49.96	6.93			
Pekerjaan bapa	Swasta	53.95	7.12	1.36	3	0.26
	Kerjaya-kerjaya lain	49.81	8.23			
	Kerajaan	51.30	6.53			
	Swasta	51.41	6.72			
	Sendiri	54.05	8.48			
Pekerjaan ibu	Tidak bekerja	51.84	8.00	1.12	3	0.34
	Kerajaan	51.18	8.00			
	Swasta	50.75	6.90			
	Sendiri	54.31	7.67			
	Tidak bekerja	52.31	7.78			

** pada aras signifikan 0.00.

PERBINCANGAN

Dalam penemuan kajian ini dapat disimpulkan bahawa pelajar Tingkatan 4 yang mengikuti kelab keusahawanan di 16 buah sekolah menengah sekitar Terengganu dan terlibat sebagai responden mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan keusahawanan. Oleh itu, penerapan asas keusahawanan ke dalam diri pelajar ketika di bangku sekolah menerusi kelab keusahawanan dapat membentuk golongan muda yang sanggup menghadapi rintangan dalam meneroka bidang keusahawanan. Hasil kajian ini menyamai pandangan Diane et al. (2016) dan Maria et al. (2017) mengatakan pendidikan keusahawanan membantu pelajar tentang cara menjalankan perniagaan secara realiti dan mampu mengubah orang biasa menjadi usahawan. Tambahan pula, pendidikan keusahawanan boleh memberikan kemahiran keusahawanan kepada pelajar kerana mereka telah dilatih tentang cara memulakan perniagaan sebenar. Hasil kajian ini juga menyamai penemuan Niklas et al. (2015) dan Wan Mohd Zaifurin et al. (2016) mendapati pendidikan keusahawanan di sekolah menengah meningkatkan kebarangkalian dan kecenderungan pelajar ke arah kerjaya keusahawanan.

Sungguhpun kelab keusahawanan di sekolah menengah bukanlah satu kokurikulum wajib untuk diikuti oleh semua pelajar, tetapi mereka yang mempunyai keinginan mendalami kemahiran keusahawanan berpeluang mendapatkannya dengan cara mengikuti aktiviti kelab. Selain itu, peranan pentadbir sekolah menengah dalam memberi galakkan kepada pelajar menjalankan aktiviti kelab juga membantu mereka mengasah kemahiran keusahawanan. Namun begitu, hasil kajian ini mendapati pelajar sekolah menengah yang mengikuti aktiviti kelab keusahawanan dan mempunyai impian berniaga pada masa depan memiliki kemahiran keusahawanan lebih baik berbanding rakan-rakan mereka ingin menjadi usahawan, Kerajaan, swasta, kerjaya-kerjaya impian lain dan masih tiada kerjaya impian. Hal ini berlaku kerana kelab keusahawanan menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan seperti menjual makanan dan air minuman ketika pihak sekolah mengadakan hari sukan atau kokurikulum. Walaupun kelab keusahawanan menjalankan perniagaan berskala kecil, sekurang-kurangnya pelajar yang ingin berniaga memiliki kemahiran keusahawanan dan dapat memupuk kecenderungan untuk menceburi kerjaya keusahawanan serta menyebabkan diri mereka berbeza berbanding rakan-rakan masih belum mempunyai kerjaya impian.

Malahan, pelajar masih bergiat aktif mengikuti kelab keusahawanan walaupun kelab tersebut menjalankan perniagaan berskala kecil. Hal ini kerana pelajar boleh menghabiskan masa lapang secara lebih berfaedah dengan mengikuti aktiviti kelab membolehkan semangat bekerjasama, saling bantu-membantu dan berkongsi kecenderungan antara rakan sekelab boleh terbentuk apabila mereka menjalankan kegiatan bersama. Maka tidak hairanlah pelajar yang aktif mengikuti kelab keusahawanan lebih cenderung menceburi kerjaya keusahawanan berbanding rakan-rakan kurang aktif. Tambahan pula, pelajar yang kurang aktif mengikuti kelab keusahawanan

tidak dapat dibimbing, diberikan kemahiran dan tunjuk ajar sepenuhnya oleh guru penasihat kelab supaya mereka cenderung menjadikan keusahawanan sebagai satu kerjaya seterusnya membuka laluan menjadi usahawan yang berjaya pada masa depan. Hasil kajian ini menyamai penemuan Vijayakumari (2014) yang mendapati penglibatan pelajar sekolah dalam aktiviti perniagaan boleh meningkatkan aspirasi mereka untuk menceburi kerjaya keusahawanan selepas menamatkan persekolahan.

Dalam kajian ini, ada sekolah menengah menyediakan ruang atau premis perniagaan kepada kelab keusahawanan supaya pelajar yang mengikuti kelab tersebut dapat menjalankan aktiviti perniagaan seperti menjual makanan dan air minuman semasa hari kokurikulum dan koperasi serta sukan. Justeru itu, pelajar dapat menimba banyak pengalaman keusahawanan sebenar seperti menyusun, memilih dan menjual barangan jualan ketika mereka menjalankan perniagaan. Maka kelab keusahawanan yang mempunyai tempat perniagaan mampu menjadi medan terbaik untuk membolehkan pelajar menjalankan aktiviti jualan dan menguji sejauh mana kecenderungan mereka terhadap kerjaya keusahawanan. Namun begitu, pengalaman tersebut tidak mungkin dapat diperolehi pelajar sekiranya kelab keusahawanan yang mereka ikuti tiada tempat untuk menjalankan perniagaan. Hasil kajian ini menyamai penemuan Cheung (2008) yang mendapati sekolah menengah di Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Republik Rakyat China menjalankan perniagaan ketika sambutan Tahun Baru Cina memberi kesan positif kepada kecenderungan pelajar mereka terhadap kerjaya keusahawanan. Hasil kajian ini memberi gambaran bahawa tempat perniagaan menjadi elemen penting kerana mempengaruhi kecenderungan pelajar sekolah menengah ke arah kerjaya keusahawanan.

Tambahan pula, kelab keusahawanan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai keusahawanan supaya mereka mengetahui lebih mendalam mengenai operasi perniagaan dan menjadi cenderung untuk menceburi kerjaya keusahawanan. Hal ini bertepatan dengan hasil kajian yang mendapati pelajar yang masih belum ada kerjaya impian, kurang cenderung ke arah kerjaya keusahawanan berbanding rakan-rakan yang ingin berniaga dan menjadi usahawan. Tambahan pula, aktiviti kelab keusahawanan yang dijalankan secara amali membolehkan pelajar dapat melihat, memahami dan merasai sendiri kegiatan perniagaan dan mulai cenderung menceburi kerjaya keusahawanan bersesuaian dengan impian mereka berniaga dan menjadi usahawan pada masa depan. Hasil kajian ini menyamai penemuan Norasmah dan Mazura (2012) yang mendapati pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah cenderung menjadikan keusahawanan sebagai satu kerjaya selepas menamatkan pengajian setelah mempelajari ilmu keusahawanan.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini didapati pendidikan kokurikulum keusahawanan di sekolah menengah melalui kelab keusahawanan boleh mempengaruhi kecenderungan pelajar terhadap kerjaya keusahawanan seterusnya melahirkan ramai usahawan muda pada masa depan untuk memenuhi keperluan negara. Aktiviti kelab keusahawanan lebih bersifat amali memberi peluang kepada pelajar untuk merasai sendiri pengalaman sebenar menjalankan perniagaan dan wang hasil jualan (hari kokurikulum, koperasi dan sukan). Di samping itu, kelab keusahawanan juga membantu pelajar mempersiapkan diri untuk mendapatkan kerjaya yang memuaskan kerana mereka telah diberikan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan. Tambahan pula, pelajar sekolah menengah yang mengikuti kelab keusahawanan dan lemah dalam akademik mampu menjalankan perniagaan sendiri selepas menamatkan persekolahan tanpa terlalu bergantung kepada peluang pekerjaan dari sektor awam dan swasta.

Tambahan pula, usaha dan inisiatif Kerajaan memperkenalkan kelab keusahawanan di sekolah menengah dengan kaedah yang betul boleh menyediakan pelajar kepada saluran keusahawanan dan mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan belia. Lagipun, setiap tahun ada ramai pelajar lepasan sekolah menengah memasuki pasaran buruh untuk mencari pekerjaan kerana tidak semua dalam kalangan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi. Oleh itu, Kerajaan bukan sahaja perlu menangani belia menganggur, malah mesti bersedia menerima pelajar yang bakal menamatkan persekolahan ke dalam pasaran buruh. Situasi ini boleh diatasi sekiranya pendidikan yang di terima pelajar ketika belajar di sekolah menengah berjaya melengkapkan mereka dengan nilai tambah seperti pengetahuan dan kemahiran mencipta dan merebut peluang pekerjaan dalam keusahawanan. Hal ini kerana persaingan untuk mendapatkan pekerjaan semakin rumit dan pelajar yang tidak mempunyai nilai tambah boleh menyebabkan mereka menganggur. Jika Kerajaan tidak mengawal kadar pengangguran belia boleh memberikan kesan yang negatif kepada pertumbuhan ekonomi dan perkembangan keusahawanan negara.

CADANGAN KAJIAN

Kajian ini mendapati pengenalan program kelab keusahawanan di sekolah menengah masih perlu diperbaiki dan memerlukan penyesuaian dalam aktiviti agar pelajar yang mengikutinya memiliki kemahiran berorientasikan kerjaya keusahawanan. Kemahiran keusahawanan boleh diperolehi pelajar melalui pengalaman perniagaan sebenar dan bukannya hanya tahu menjual makanan dan air minuman secara kecil-kecilan ketika sekolah mengadakan hari kokurikulum, koperasi dan sukan. Pelajar perlu diberikan tunjuk ajar, dibimbing dan dibantu

menyediakan atau mencipta sendiri barangan jualan dengan kemahiran keusahawanan. Kemudahan tempat perniagaan atau kiosk untuk kelab keusahawanan perlu disediakan Kerajaan di sekolah agar pelajar boleh menjalan dan menguruskan syarikat perniagaan setiap hari sepertimana realiti kerjaya keusahawanan. Oleh itu, jika Kerajaan dan guru penasihat kelab keusahawanan masih mengekalkan kaedah sedia ada untuk memberikan kemahiran keusahawanan kepada pelajar sudah tentu merugikan negara kerana mereka hanya mahir menjadi peniaga. Walhal, pelajar yang mengikuti kelab keusahawanan dilihat mempunyai kecenderungan keusahawanan dan bersedia menjadi usahawan. Situasi ini sudah tentu dapat meningkatkan bilangan usahawan di Malaysia jika kemahiran keusahawanan yang diperolehi pelajar ketika mengikuti kelab boleh digunakan secara berkesan dalam kerjaya keusahawanan.

Selain itu, penyelidikan lanjutan perlu dijalankan kerana kajian ini hanya melibatkan profil tertentu pelajar. Profil lain boleh digunakan untuk mengkaji perbezaan pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar yang mengikuti kelab keusahawanan. Selanjutnya, kajian selang masa atau *longitudinal* juga perlu dijalankan pada masa akan datang kerana pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar yang mengikuti kelab keusahawanan mungkin berubah mengikut peredaran masa. Akhir sekali, kajian ini mencadangkan kepada penyelidik akan datang melibatkan lebih ramai pelajar sekolah menengah yang mengikuti kelab keusahawanan dan menambah jumlah pembolehubah bersandar agar boleh mengemas kini literatur tentang kerjaya keusahawanan dalam kalangan belia. Hasil kajian boleh membantu pengubal dasar untuk merangka polisi yang terbaik kepada golongan belia agar mereka mempunyai kecenderungan keusahawanan dan merebut peluang perniagaan dengan menjadi usahawan.

RUJUKAN

- Ab. Alim Abdul Rahim. 1999. *Pengurusan Kokurikulum dan Badan Beruniform*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Badariah Hj Din, Abdul Rahim Anuar & Mariana Usman. 2016. The effectiveness of the entrepreneurship education program in upgrading entrepreneurial skill among public university students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 224: 117-123.
- Bagheri, Afsaneh & Lope Pihie, Zaidatol Akmaliah. 2010. Role of family leadership development of university students. *World Applied Science Journal* 11(4): 434-442.
- Boratay Uysal & Semra Guney. 2016. Entrepreneurial intentions of Turkish business students: An exploration using Shapero's Model. *Journal of Administrative Sciences* 14(28): 27-47
- Cheung, C.K. 2008. Practicing entrepreneurship education for secondary pupils through the operation of a new year stall in Hong Kong. *The Asian-Pacific Education Researcher* 17(1): 15-31.
- Hair, J.F., Anderson, R.E., Tatham, R.L. & Black, W.C. 2010. *Multivariate Data Analysis*. 7th edition. New York: Prentice Hall International Inc.
- Hanina H. Hasman, Tan Poh Mae & Jumali Hj. Selamat. 2010. Stres dan pencapaian akademik mahasiswa pembangunan manusia di Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 13(Jun): 57-71.
- Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. 2017. Bilangan Kelab Keusahawanan di Negeri Terengganu. Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2015. *Ucapan Bajet 2016*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2016. *Ucapan Bajet 2017*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1985. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1/1985 bertarikh 2 Januari 1985. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample saiz for research activities. *Education and Psychological Measurement* 30: 608.
- Lepoutre, J., Berghe, V.D.W., Tilleuil, O. & Crijs, H. 2010. *A new approach to testing the effects of entrepreneurship education among secondary school pupils*. Vlerick Leuven Gent Working Paper Series 2010/01.
- Maria de Lourdes Carcamo-Solis, Maria del Pilar Arroyo-Lopez, Lorenza del Carmen Alvarez-Castanon & Elvia Garcia-Lopez. 2017. Developing entrepreneurship in primary schools. The Mexican experience of "my first enterprise: Entrepreneurship by playing." *Teaching and Teacher Education* 64: 291-304.
- Mazlina Mustapha & Maitilee Selvaraju. 2015. Personal attributes, family influences, entrepreneurship education and entrepreneurship inclination among university students. *Kajian Malaysia* 33(1): 155-172.
- Niklas, E., Fredrik, W.A. & Karl, W. 2015. The impact of entrepreneurship education in high school on long-term entrepreneurial performance. *Journal of Economic Behavior & Organization* 111: 209-223.
- Nor Hidayah, A.D. & Yusmaria, M.Y. 2014. *Persepsi pelajar terhadap penglibatan aktiviti kokurikulum di Kolej Komuniti Hulu Langat*. Kertas dibentangkan di Kolokium Penyelidikan & Inovasi Wilayah Selangor, dianjurkan oleh Kolej Komuniti Selayang, 2 Oktober, Selangor.

- Norasman Othman & Mazura Mansor. 2012. Entrepreneurial intentions among polytechnic students in Malaysia. *Medwell Journal: International Business Management* 6(4): 517-526.
- Perbadanan Memajukan Iktisad Terengganu. 2013. *Arkib Berita 2013: PMINT sumbang RM 350,000 Program Usahawan Muda di 54 sekolah di Terengganu*. Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.
- Saemah Rahman, Ruhizan M. Yasin, Nor Aishah Buang, Karine Oganisjana, Andra Fernate & Tatjana Koke. 2015. Using problem-focused approach to nurture creativity and entrepreneurship among students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 191: 2782-2786.
- Sapiah Bohari. 2008. *Kesediaan untuk menceburi bidang keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar Bumiputera Tingkatan Empat di tiga buah sekolah sekitar Skudai, Johor*. Kertas projek Ijazah Sarjana Muda tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.
- SME Corp. 2016. Laporan Tahunan PKS 2015/16. Kuala Lumpur: SME Corporation Malaysia.
- Sylvia Nabila Azwa Ambad & Dayang Haryani Diana Ag Damit. 2016. Determinants of entrepreneurial intention among undergraduate students in Malaysia. *Procedia Economics and Finance* 37: 108-114.
- Verni Y. Ismail, Efendy Zain & Zulihar. 2015. The portrait of entrepreneurial competence on student entrepreneurs. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 169: 178-188.
- Vijayakumari Silverjoo. 2014. *Hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan aspirasi keusahawanan pelajar Tingkatan Empat di Daerah Kuala Kangsar, Perak*. Disertasi Ijazah Sarjana tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Nor Hayati Sa'at, Sabri Ahmad & Ibrahim Mamat. 2016. Peranan pembolehubah demografi dalam meramalkan kecenderungan ahli Program Tunas Niaga menceburi kerjaya keusahawanan. *Journal of Holistic Student Development* 1(1): 12-29.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang. 2016. *Kecenderungan kerjaya keusahawanan di Negeri Terengganu dalam kalangan ahli Program Tunas Niaga*. Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan, Universiti Malaysia Terengganu.
- Welsh, D.H.B., Tullar, W.L. & Nemati, H. 2016. Entrepreneurship education: Process, method or both? *Journal of Innovation & Knowledge* 1: 125-132
- Zarina Md Nor & Zuraida Ramli. 2016. A glimpse at women entrepreneurs in Penang. *Journal Akademika* 86(2): 79-86.

Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang (corresponding author)
 Institut Darul Iman
 Universiti Sultan Zainal Abidin,
 Kampus Gong Badak,
 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
 E-Mel: wzaiifurin@yahoo.com

Ibrahim Mamat
 Institut Darul Iman
 Universiti Sultan Zainal Abidin,
 Kampus Gong Badak,
 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
 E-Mel: mibrahim30@gmail.com